

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2003/2004

September/Oktober 2003

**HFA 101 – Pengantar Falsafah**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan sahaja.

1. [a] Untuk Socrates, bolehkah faedah dan manfaat digunakan sebagai asas untuk menentukan nilai moral sesuatu perkara?  
[50 markah]
- [b] Adakah anda bersetuju dengan pandangan Socrates? Beri alasan/hujah yang baik untuk menyokong jawapan anda.  
[50 markah]
2. [a] Jelaskan dengan ringkas TIGA persoalan atau masalah mengenai ilmu manusia yang cuba diselesaikan oleh Plato dalam teori ilmunya.  
[50 markah]
- [b] Untuk anda, adakah Plato berjaya menyelesaikan masalah atau persoalan tersebut? Beri alasan/hujah yang baik untuk menyokong penilaian anda.  
[50 markah]

3. [a] Mengapakah untuk Ibn Sina, *wajib al-wujud* atau wujud wajib menjadi penyebab kepada semua yang wujud?  
[50 markah]
- [b] Adakah anda bersetuju dengan pandangan metafizik Ibn Sina? Beri alasan/hujah yang baik untuk pandangan anda.  
[50 markah]
4. [a] Jelaskan mengapakah untuk Sankara *maya* tidak wujud dan juga tidak tidak wujud?  
[50 markah]
- [b] Adakah anda bersetuju dengan pandangan Sankara? Beri alasan/hujah yang baik untuk jawapan anda.  
[50 markah]
5. [a] Apakah asas Sartre untuk menyatakan bahawa manusia bebas seratus peratus untuk bertindak dan menentukan nasibnya?  
[50 markah]
- [b] Adakah anda bersetuju dengan pendirian Sartre? Beri alasan/hujah yang baik untuk menyokong penilaian anda.  
[50 markah]